KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

**11 JANUARI 2023 (RABU)**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

## 11 JANUARI 2023 (RABU)

Utusan Malaysia

HARI : RABU

TARIKH : 11/1/2023

M/SURAT : 8

# Mekanisme kawalan harga dikaji elak bekalan kurang

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal mengumumkan mekanisme bersesuaian bagi menggantikan kaedah kawalan harga.

Perkara itu dimaklumkan menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub yang mengulas gesaan Persekutuan Peniaga Barang Runcit Malaysia untuk menangani isu kekurangan bekalan.

"Kita memang ada kaji pelbagai mekanisme yang terbaik dan saya akan mengumumkan dalam masa terdekat, insya-Allah," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan KPDN serta menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2023 di sini semalam.

Minggu lalu, presiden persatuan tersebut, Hong Chee Meng ketika diwawancara sebuah akhbar Cina tempatan menyarankan agar kerajaan menghapuskan sistem kawalan harga dan mendakwa kesemua produk ada masalah kekurangan stok selama ini merupakan barang yang dikawal harga, tetapi, isu ini tidak pula dialami bagi barangan tanpa kawalan.

Antara contoh yang berlaku ialah minyak masak paket satu kilogram bersubsidi apabila masih lagi tidak cukup sedangkan bekalannya adalah berlebihan di pasaran seluruh negara.

Situasi itu ujar Chee Meng disebabkan sifat semula jadi pengguna tempatan yang suka membeli barangan harga murah dikawal kerajaan dan peniaga pula tidak pula boleh kawal.

Mengulas lebih lanjut, Salahuddin bagaimanapun enggan memberi bayangan apakah bentuk mekanisme yang sesuai bagi menggantikan sistem kawalan harga siling ketika ini.

BH BeritaHarian

HARI : RABU

TARIKH : 11/1/2023

M/SURAT : 8

# Mekanisme lapuk kawal harga barang akan dikaji

## Menteri dakwa kaedah diguna ketinggalan zaman

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my



*Salahuddin pada sidang media selepas menyampaikan majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KPDN di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengkaji semula mekanisme kawalan harga barang yang dikatakan sudah ketinggalan zaman.

"Kita akan kaji semula (mekanisme kawalan harga barangan dan penetapan harga siling) kerana ia sudah setahun (mekanisme itu) kita guna," kata Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub pada sidang media selepas majlis Amanat Tahun Baharu 2023 kepada warga kementeriannya, semalam.

Sebelum ini, Presiden Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng meminta kerajaan supaya menilai semula mekanisme kawalan harga yang sudah ketinggalan zaman.

Beliau berkata, tindakan mengawal harga barang itu menyebabkan barangan kawalan seperti telur, gula putih, minyak masak dalam peket dan tepung sering mengalami masalah kekurangan dalam pasaran.

### Bekalan minyak masak cukup

Sebaliknya barangan yang harganya tidak dikawal pula mempunyai bekalan yang mencukupi.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai masalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi yang masih berlaku, Salahuddin berkata, secara keseluruhannya bekalan minyak masak masih mencukupi.

"Nak kata keseluruhan minyak masak sudah tidak ada itu, perkara itu tidak benar. Minyak masak bersubsidi itu masih diedarkan di seluruh negara.

"Cuma ada beberapa kawasan atau lokasi yang mengalami masalah bekalan berkenaan, namun untuk isu ini pegawai akan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini secepat mungkin," katanya.

Harian Metro

HARI : RABU

TARIKH : 11/1/2023

M/SURAT : 21

# Mekanisme dah ketinggalan zaman

## KPDN akan mengkaji semula langkah kawalan harga barang

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengkaji semula mekanisme kawalan harga barang yang didakwa sudah ketinggalan zaman.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kajian terhadap mekanisme baharu itu akan diadakan oleh pihaknya dalam masa terdekat.

"Kita akan kaji semula (mekanisme kawalan harga barangan dan penetapan harga siling) kerana ia sudah setahun (mekanisme itu) kita guna," katanya dalam sidang media selepas memberikan Amanat Tahun Baharu 2023 kepada warga kementeriannya, di sini, semalam.



Sebelum ini, Presiden Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng meminta kerajaan supaya menilai semula mekanisme kawalan harga yang sudah ketinggalan zaman.

> *Kita akan kaji semula (mekanisme kawalan harga barangan dan penetapan harga siling) kerana ia sudah setahun (mekanisme itu) kita guna"*
>
> **Salahuddin**

Beliau berkata, tindakan mengawal harga barang itu menyebabkan barangan kawalan seperti telur, gula putih, minyak masak dalam paket dan tepung sering mengalami masalah kekurangan dalam pasaran. Sebaliknya barangan yang harganya tidak dikawal pula mempunyai bekalan yang mencukupi.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai masalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi yang masih berlaku, Salahuddin berkata secara keseluruhannya bekalan minyak masak di negara ini masih mencukupi.

"Nak kata keseluruhan minyak masak sudah tidak ada itu, perkara itu tidak benar. Minyak masak bersubsidi itu masih diedarkan di seluruh negara.

"Cuma ada beberapa kawasan atau lokasi yang mengalami masalah bekalan berkenaan, namun untuk isu ini pegawai akan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini secepat mungkin," katanya.

HARI : RABU

TARIKH : 11/1/2023

M/SURAT : 11

# Mekanisme kawalan harga dikaji semula



SALAHUDDIN

**PUTRAJAYA** - Mekanisme kawalan harga barangan dan penetapan harga siling akan dikaji semula dalam masa terdekat, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"Memang kami akan kaji semula dalam masa terdekat, sebab dah setahun (penetapan harga maksimum)," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Amanat Tahun Baharu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) 2023 di sini pada Selasa.

Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia baru-baru ini mengutarakan pendapat agar kerajaan menilai semula mekanisme kawalan harga yang dianggap sudah ketinggalan zaman dan mengakibatkan barangan terkawal seperti telur, gula dan minyak masak selalu kekurangan dalam pasaran.

Persatuan itu turut mencadangkan kerajaan mempertimbangkan mengenai harga apungan mengikut pasaran, tetapi menyediakan kupon pembelian atau diskaun kepada golongan sasar.

Mengenai inisiatif 'Payung Rahmah' yang meliputi program Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Kafe Rahmah dan Pakej Rahmah bagi mengurangkan beban kos sara hidup, Salahuddin berkata, KPDN akan memfokuskan pelaksanaannya kepada golongan miskin tegar.

Menurutnya, data Jabatan Perangkaan setakat 31 Disember 2022 menunjukkan terdapat 130,000 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dalam negara.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin menafikan bahawa tiada minyak masak peket di pasaran seperti yang didakwa sesetengah pihak, namun menjamin pegawai KPDN akan bertindak segera sekiranya terdapat aduan spesifik mengenai ketiadaan bekalan minyak masak tersebut.

Salahuddin dalam ucapannya sebelum itu turut mengumumkan beberapa tawaran antaranya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan memberi pengurangan kompaun 90 peratus daripada nilai asal kompaun ke atas syarikat yang berstatus '*dissolved*' di bawah Akta Syarikat 1965.

"SSM juga akan meneruskan pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 2016," katanya. - *Bernama*

TheStar

HARI : RABU
TARIKH : 11/1/2023
M/SURAT : 9

# Price control mechanisms to be reviewed, says minister

**PUTRAJAYA:** The mechanism for controlling the price of goods and setting the ceiling price will be reviewed soon, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Federation of Malaysian Retailers Association recently said the government should re-evaluate the price control mechanism, which it considered out of date and resulting in the short supply of controlled goods such as eggs, sugar and cooking oil in the market.

"We will definitely review it soon because it has been a year (since the maximum price was set)," he told a press conference after delivering the ministry's 2023 new year's address yesterday.

The association also suggested the government consider floating prices according to the market, but at the same time, provide purchase coupons or discounts to target groups.

On the 'Payung Rahmah' initiative, which includes the 'Bakul Rahmah', 'Jualan Rahmah', 'Kafe Rahmah' and 'Pakej Rahmah' programmes to reduce the cost of living, Salahuddin said his ministry will focus its implementation on the hardcore poor.

The Statistics Department's data as at Dec 31, 2022, shows that there are 130,000 poor households in the country.

In a separate development, he denied that there is no packet cooking oil in the market as claimed by some parties.

He assured that ministry officials will act immediately if there are complaints about lack of supply.

Earlier in his speech, Salahuddin also announced several other offers, among them that the Companies Commission of Malaysia's 90% compound reduction from the original value of the compound will remain, on companies with a 'dissolved' status under the Companies Act 1965.

The commission will also continue to reduce the compound by 90% of the original compound value for regular offences under the Companies Act 2016, he said. — Bernama

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | RABU |
| TARIKH | : | 11/1/2023 |
| M/SURAT | : | 2 |

# Price control mechanism review soon

**PUTRAJAYA:** The mechanism for controlling the cost of goods and the setting of ceiling prices will be reviewed soon, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub yesterday.

He disclosed this at a media conference after delivering the ministry's 2023 New Year's address.

The Federation of Malaysian Retailers Association recently asked the government to re-evaluate the price control mechanism, which is considered to be out of date and has resulted in the short supply of controlled goods such as eggs, sugar and cooking oil in the market.

The association also suggested that the government should consider floating the prices of goods, but at the same time, provide coupons or discounts to target groups.

On the *Payung Rahmah* initiative, which includes the *Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Kafe Rahmah* and *Pakej Rahmah* programmes to reduce the cost of living, Salahuddin said the ministry would focus their implementation on the hardcore poor.

He added that Statistics Department data as of Dec 31 showed that there were 130,000 poor household heads in the country.

He also denied that there is a shortage of packet cooking oil in the market and assured that ministry officials would act immediately if there are complaints about a lack of supply, Bernama reported.

Earlier in his speech, Salahuddin announced that the Companies Commission of Malaysia (SSM) would give a 90% reduction on the original value of compounds levied on companies with a "dissolved" status under the Companies Act 1965.

He said SSM would also reduce compounds by 90% of the original compound value for regular offences under the Companies Act 2016.

| BERITA ONLINE BERTARIKH 11 JANUARI 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 11-Jan | Mekanisme kawalan harga barang akan dikaji semula, kata Salahuddin | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/422326 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 11-Jan | Mekanisme kawalan harga barang akan dikaji semula, kata Salahuddin | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2154909 | BERNAMA |
| 11-Jan | Review on the Mechanism for Price Controls and Ceiling Price Soon, Says Salahuddin | https://www.businesstoday.com.my/2023/01/10/review-on-the-mechanism-for-price-controls-and-ceiling-price-soon-says-salahuddin/ | BUSINESSTODAY |
| 11-Jan | Kerajaan akan kaji semula mekanisme kawalan harga - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-akan-kaji-semula-mekanisme-kawalan-harga-salahuddin-401175%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 11-Jan | Mekanisme kawalan harga dikaji elak bekalan kurang | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/mekanisme-kawalan-harga-dikaji-elak-bekalan-kurang/ | UM |
| 11-Jan | Sidang Media Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup I 10 Januari 2023 | https://youtu.be/D8iW_xy4MoU | ASTROAWANI |
| 11-Jan | 'Payung Rahmah' to help B40, hardcore poor tackle cost of living issues | https://www.konsumerkini.net.my/v2/index.php/berita-terkini/kos-sara-hidup/2437-payung-rahmah-to-help-b40-hardcore-poor-tackle-cost-of-living-issues | KONSUMERKINI |
| 11-Jan | Barangan Keperluan \| Bekalan minyak masak peket masih mencukupi | https://www.astroawani.com/video-malaysia/barangan-keperluan-bekalan-minyak-masak-peket-masih-mencukupi-2004509 | ASTROAWANI |
| 11-Jan | Pelbagai inisiatif diperkenal KPDN bantu pengguna, peniaga | https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/pelbagai-inisiatif-diperkenal-kpdn-bantu-pengguna-peniaga | SUARAKEADILAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Jan | 369 syarikat kredit komuniti didakwa pelbagai kesalahan | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1049909/369-syarikat-kredit-komuniti-didakwa-pelbagai-kesalahan | BH |
| 11-Jan | KPDN \| Mekanisme Kawalan Harga Barang Dikaji Semula | https://youtu.be/PqHBMTa8nL4 | BULETINTV3 |
| 11-Jan | Inisiatif Payung Rahmah fokus golongan miskin tegar | https://youtu.be/TEOsOWQguLI | BERNAMATV |
| 11-Jan | Review of mechanism for price control of goods soon, says domestic trade minister | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/01/10/review-of-mechanism-for-price-control-of-goods-soon-says-domestic-trade-minister/49435 | MALAYMAIL |
| 11-Jan | Mechanism for price control to be reviewed soon: Salahuddin | https://www.thesundaily.my/home/mechanism-for-price-control-to-be-reviewed-soon-salahuddin-LC10478175 | THESUNDAILY |
| 11-Jan | KPDN kaji semula mekanisme barang kawalan, penetapan harga siling | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050062/kpdn-kaji-semula-mekanisme-barang-kawalan-penetapan-harga-siling | BH |
| 11-Jan | Mechanism for price control to be reviewed soon, says Salahuddin | https://www.theedgemarkets.com/node/651187 | THEEDGEMARKETS |
| 11-Jan | Mekanisme kawalan harga barang dikaji semula – Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2023/01/10/mekanisme-kawalan-harga-barang-dikaji-semula-salahuddin/amp/ | MALAYSIAPOST |
| 11-Jan | ‘Payung Rahmah’ bantu B40 | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/payung-rahmah-bantu-b40/ | UM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Jan | Seleweng diesel bersubsidi tumpas, penyelia syarikat ditahan | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas-penyelia-syarikat-ditahan/ | UM |
| 11-Jan | KPDN busts subsidised diesel-smuggling syndicate in Batu Gajah | https://www.thesundaily.my/home/kpdn-busts-subsidised-diesel-smuggling-syndicate-in-batu-gajah-PC10479969 | THESUNDAILY |
| 11-Jan | KPDN tumpas sindiket penyelewengan diesel bersubsidi di Batu Gajah | https://www.thesundaily.my/home/kpdn-tumpas-sindiket-penyelewengan-diesel-bersubsidi-di-batu-gajah-NC10479774 | THESUNDAILY |
| 11-Jan | Aktiviti seleweng diesel bersubsidi tumpas, penyelia syarikat ditahan | https://www.kosmo.com.my/2023/01/10/aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas-penyelia-syarikat-ditahan/ | KOSMO |
| 11-Jan | Rakyat dapat nikmati barangan keperluan harga patut, fokus KPDN | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/54983-rakyat-dapat-nikmati-barangan-keperluan-harga-patut-fokus-kpdn | BERITARTM |
| 11-Jan | Gagal selenggara buku stok, KPDN sita barangan | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/924404/gagal-selenggara-buku-stok-kpdn-sita-barangan | HM |
| 11-Jan | PEMBORONG BARANG RUNCIT GAGAL SELENGGARA BUKU STOK BARANG KAWALAN | https://ibsfocus.my/blog/pemborong-barang-runcit-gagal-selenggara-buku-stok-barang-kawalan/ | IBSFOCUS |
| 11-Jan | Pemborong barang runcit gagal selenggara buku stok barang kawalan | https://www.kosmo.com.my/2023/01/10/pemborong-barang-runcit-gagal-selenggara-buku-stok-barang-kawalan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=pemborong-barang-runcit-gagal-selenggara-buku-stok-barang-kawalan | KOSMO |
| 11-Jan | SSM sumbang RM33,000 kepada 11 sekolah di Pahang | https://www.kosmo.com.my/2023/01/10/ssm-sumbang-rm33000-kepada-11-sekolah-di-pahang/ | KOSMO |
| 11-Jan | ISU HARGA MAKANAN KANTIN: 'WAN SAIFUL BUKA PEKUNG SENDIRI | https://go.sinarharian.com.my/3ZpYzh7 | SH |